



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN SENI BINA ISTANA TENGKU  
LONG OLEH LEMBAGA MUZIUM NEGERI TERENGGANU**

**RENAWATI BINTI DERIS**

**28010**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian**

**(Pengurusan Seni)**

**2013**

**PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN SENI BINA ISTANA TENGKU LONG  
OLEH LEMBAGA MUZIUM NEGERI TERENGGANU**

RENAWATI BINTI DERIS

28010

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2013

## UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

### BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN SENI BINA ISTANA TENGGU LONG  
OLEH LEMBAGA MUZIUM NEGERI TERENGGANU

SESI PENGAJIAN : 2012 / 2013

Saya RENAWATI BINTI DERIS mengaku membenarkan tesis/Laporan \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat
5. salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajiantinggi.
6. \*sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penulis)

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penyelia)

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Alamat tetap:  
Kampung Bendang Ikan,  
17000 Pasir Mas  
Kelantan

Catatan:\* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

## PENGAKUAN

Projek bertajuk **Pemuliharaan dan Pemeliharaan Seni Bina Istana Tengku Long** oleh **Lembaga Muzium Negeri Terengganu** ini telah disediakan oleh **Renawati binti Deris** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

Professor Dato' Dr. Hashim bin Awang

Tarikh:

---

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga dan para sahabat baginda sekalian. Syukur Alhamdulillah kerana memberikan saya kekuatan yang cukup, masa dan kematangan fikiran untuk menyiapkan kajian ini dalam bentuk sebegini rupa.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia utama saya, Professor Dr. Hashim bin Awang di atas bantuan yang begitu besar, bimbingan, teguran dan nasihat yang berguna sepanjang kajian ini dijalankan. Di atas jasa-jasa beliau, akhirnya dapatlah saya menyiapkan kajian ini.

Jutaan terima kasih dan sekalung budi juga diucapkan kepada kakitangan-kakitangan Lembaga Muzium Negeri Terengganu kerana telah banyak membantu memberikan maklumat kepada saya dalam menyempurnakan kajian ini.

Tidak lupa juga penghargaan kepada kedua ibu bapa, adik-beradik dan seluruh ahli keluarga yang selalu meniupkan kata-kata semangat kepada saya untuk menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Segala pengorbanan dan didikan tidak akan dilupakan.

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian ialah meneliti pendekatan yang digunakan dalam pemuliharaan dan pemeliharaan seni bina Istana Tengku Long yang dilakukan oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Objektif utama kajian adalah untuk mengenalpasti kaedah pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan oleh pihak muzium. Dapatan kajian yang diperolehi mendapati Lembaga Muzium Negeri Terengganu telah menjalankan beberapa kaedah untuk memelihara Istana Tengku Long, antaranya melakukan pemeriksaan terhadap istana ini sebanyak dua kali sebulan. Pemeriksaan yang dilakukan merangkumi keseluruhan istana seperti pemeriksaan atap, dinding, lantai, tiang dan sebagainya. Kerosakan yang timbul dikenal pasti dan cadangan pembaikan akan dilakukan mengikut spesifikasi konservasi.

## ***ABSTRACT***

*The purpose of this study is to examine the approach used in the conservation and preservation of architecture Istana Tengku Long performed by the Terengganu State Museum. The main objective of the study was to identify methods of conservation and preservation done by the museum. The findings found Terengganu State Museum has conducted a some of methods to preserve Istana Tengku Long, including inspection of the palace twice a month. Include overall examination done as inspection palace roof, walls, floors, columns and so on. The damage is identified and suggestions for improvement will be made in according the speculation of conservation.*

# SENARAI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

|   |     |
|---|-----|
| PENGAKUAN.....                                | i   |
| PENGHARGAAN.....                              | ii  |
| ABSTRAK.....                                  | iii |
| ABSTRACT.....                                 | iv  |
| SENARAI KANDUNGAN.....                        | v   |
| SENARAI GAMBAR.....                           | vii |
| <br>  |     |
| BAB I: PENGENALAN.....                        | 1   |
| Pengenalan.....                               | 1   |
| Latar Belakang Kajian.....                    | 2   |
| Negeri Terengganu.....                        | 2   |
| Lembaga Muzium Negeri Terengganu.....         | 4   |
| Istana Tengku Long.....                       | 7   |
| Skop Kajian.....                              | 9   |
| Objektif Kajian.....                          | 10  |
| Persoalan Kajian.....                         | 11  |
| Kerangka Konsep.....                          | 11  |
| Kepentingan Kajian.....                       | 14  |
| Rumusan.....                                  | 15  |
| <br>  |     |
| BAB II: KUPASAN KEPUSTAKAAN.....              | 16  |
| Pengenalan.....                               | 16  |
| Pemuliharaan bangunan dan kepentingannya..... | 17  |
| Pemeliharaan bangunan dan kepentingannya..... | 20  |



|   |           |
|---|-----------|
| Rumah tradisional.....                  | 22        |
| Rumusan.....                            | 26        |
| <b>BAB III: METODOLOGI KAJIAN.....</b>  | <b>17</b> |
| Pengenalan.....                         | 17        |
| Kaedah sekunder.....                    | 17        |
| Kaedah pemerhatian.....                 | 29        |
| Kaedah temubual.....                    | 31        |
| Rumusan .....                           | 34        |
| <b>BAB IV: DAPATAN KAJIAN.....</b>      | <b>35</b> |
| Pengenalan.....                         | 35        |
| Kaedah Analisis Data.....               | 35        |
| Penemuan.....                           | 37        |
| Rumusan.....                            | 63        |
| <b>BAB V: RUMUSAN DAN CADANGAN.....</b> | <b>64</b> |
| Pengenalan.....                         | 64        |
| Perbincangan.....                       | 64        |
| Cadangan.....                           | 68        |
| Rumusan.....                            | 69        |
| <b>RUJUKAN.....</b>                     | <b>71</b> |
| Buku.....                               | 71        |
| Internet.....                           | 72        |
| <b>LAMPIRAN.....</b>                    | <b>72</b> |

## SENARAI GAMBAR

### PETA MUKA SURAT

|         |                             |   |
|---------|-----------------------------|---|
| Peta 1: | Peta negeri Terengganu..... | 3 |
|---------|-----------------------------|---|

### GAMBAR MUKA SURAT

|            |   |    |
|------------|---|----|
| Gambar 1:  | Penyusunan papan timpa melintang.....         | 42 |
| Gambar 2:  | Jenis dinding papan berlidah.....             | 43 |
| Gambar 3:  | Jenis dinding janda berhias.....              | 44 |
| Gambar 4:  | Ukiran motif sulur kacang.....                | 48 |
| Gambar 5:  | Ukiran motif bunga dala.....                  | 49 |
| Gambar 6:  | Ukiran motif petam lada.....                  | 50 |
| Gambar 7:  | Ukiran motif pohon ketola.....                | 51 |
| Gambar 8:  | Ukiran motif kaligrafi.....                   | 52 |
| Gambar 9:  | Ukiran motif geometrik.....                   | 53 |
| Gambar 10: | Tengku Long bin Tengku Ngah.....              | 73 |
| Gambar 11: | Keadaan bangunan asal Istana Tengku Long..... | 73 |

|            |   |    |
|------------|---|----|
| Gambar 12: | Proses meruntuhkan Istana Tengku Long.....      | 74 |
| Gambar 13: | Proses memasang kembali Istana Tengku Long..... | 74 |
| Gambar 14: | Bangunan Istana Tengku Long kini.....           | 75 |
| Gambar 15: | Bentuk-bentuk ukiran.....                       | 75 |
| Gambar 16: | Dinding pada ruang beradu diraja.....           | 76 |
| Gambar 17: | Ruang tengah Istana Tengku Long.....            | 76 |
| Gambar 18: | Ruang serambi.....                              | 77 |
| Gambar 19: | Proses menyapu <i>Woodcare</i> .....            | 77 |
| Gambar 20: | Proses menggantikan atap istana yang pecah..... | 78 |
| Gambar 21: | Bahan cecair <i>Timberlife</i> .....            | 78 |

# **BAB I: PENGENALAN**

## **Pengenalan**

Kajian ini ialah tentang pemuliharaan dan pemeliharaan seni bina Istana Tengku Long yang dibina pada tahun 1904 Masihi, kini telah pun mencecah seratus tahun. Istana Tengku Long ini bukanlah sebuah istana yang diperbuat daripada konkrit atau pun batu bata tetapi ianya diperbuat daripada kayu, namun istana ini masih lagi kukuh dan kekal sehingga ke hari ini. Selain itu, melihat kepada asal-usul sejarah dan fungsi Istana Tengku Long pada masa dahulu telah menarik minat pengkaji untuk mengetahui mengapa istana lama ini masih lagi dijaga dan dipelihara dengan baik sedangkan fungsi Istana Tengku Long seperti dijadikan pusat pentadbiran, pusat perkembangan ekonomi, sosio budaya dan lain-lain pada masa dahulu tidak lagi mempunyai fungsi yang sama pada masa kini.

Oleh yang demikian, pengkaji telah memutuskan untuk mengetahui kaedah-kaedah pemeliharaan yang dijalankan oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu yang telah mengambil alih tugas untuk memelihara Istana Tengku Long setelah bangunan asalnya di Besut dialihkan ke Muzium Negeri Terengganu. Pengkaji juga ingin mengetahui kepentingan pemeliharaan terhadap bangunan istana ini.

## **Latar Belakang Kajian**

### **Negeri Terengganu**

Menurut sumber daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu dan Jabatan Perangkaan Malaysia, negeri Terengganu Darul Iman adalah salah sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Ia terletak di antara garisan bujur 102.25 dengan 103.50 dan garisan lintang 4 hingga 5.50. Di bahagian utara dan barat lautnya bersempadan dengan Kelantan manakala di bahagian selatan dan barat daya pula bersempadan dengan Pahang. Ibu negeri Terengganu adalah Kuala Terengganu. Keluasan negeri Terengganu sekarang adalah kira-kira 1,295,638.3 hektar / 1.295,512.1 hektar. Jaluran pantainya menganjur sejauh 225 kilometer dari utara (Besut) ke selatan (Kemaman).

Sebelum tahun 1947, negeri Terengganu dibahagikan dalam sembilan daerah iaitu Kuala Terengganu, Kemaman, Kemasik, Paka, Dungun, Marang, Hulu Terengganu, Besut dan Setiu. Kemudiannya daerah dalam negeri Terengganu dikurangkan kepada enam daerah pula iaitu Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Marang, Hulu Terengganu dan Besut. Pada 1 Januari 1985, sebuah daerah baru iaitu Setiu telah dibentuk dan menjadi daerah ketujuh di negeri Terengganu dan tujuh daerah ini kekal sehingga ke hari ini.



***Peta 1: Peta negeri Terengganu.***

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia)

Penduduk Terengganu bertambah dari setahun ke setahun dan kini penduduk Terengganu telah mencecah kira-kira satu juta lebih penduduk dan daripada jumlah ini 90 peratus adalah orang Melayu dan bakinya terdiri daripada orang Cina dan India.

Menurut portal rasmi kerajaan negeri Terengganu, Terengganu sememangnya kaya dengan tempat-tempat yang menarik, malah negeri ini merupakan antara negeri yang paling banyak menyumbang kepada aset pelancongan dalam negara. Antara tempat-tempat peranginan menarik yang terdapat di negeri Terengganu ini adalah

seperti Pulau Perhentian, Pantai Batu Buruk, Rantau Abang dan sebagainya lagi. Selain itu, negeri ini juga kaya dengan tempat-tempat bersejarah seperti Kota Lama Duyung, Bukit Puteri, Bukit Penyu dan tidak terkecuali juga dengan kewujudan Muzium Negeri Terengganu. Muzium Negeri Terengganu ini banyak menyimpan khazanah-khazanah lama terutamanya berkaitan negeri Terengganu untuk tatapan pelawat atau pelancong-pelancong dari luar dan dalam negara mengetahui seni, budaya dan warisan negeri Terengganu amnya.

### **Lembaga Muzium Negeri Terengganu**

Lembaga Muzium Negeri Terengganu telah dibina di mukim Losong daerah Kuala Terengganu. Mukim ini terletak di sebelah barat daya pusat Bandar Kuala Terengganu. Bangunan muzium ini ditubuhkan pada tahun 1976 dan telah dirasmikan pada 20 april 1996 bersamaan 2 Zulhijjah 1416 oleh Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan Terengganu. Pentadbiran Lembaga Muzium Negeri Terengganu ini terletak di bawah kuasa Bahagian Pentadbiran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.

Asal usul kewujudan Muzium Terengganu ini bermula dengan peristiwa penemuan Batu Bersurat yang bertarikh 1303 Masihi oleh Sayyid Hussein Ghulam Al Bukhari pada tahun 1902 di Kuala Terengganu pada ketika itu. Pada masa tersebut, pihak kerajaan Terengganu tidak mempunyai tempat yang sesuai untuk menyimpan Batu Bersurat berkenaan. Lantaran itu, terdapat golongan-golongan yang sedar akan

kepentingan penubuhan muzium untuk menyimpan artifak, kesenian-kesenian masyarakat termasuklah Batu Bersurat.

Menurut portal ini lagi, pada peringkat awal muzium negeri telah menumpang bahagian bangunan bekas pejabat setiausaha kerajaan negeri iaitu di atas Bukit Che Long di Jalan Cherong Lanjut, Kuala Terengganu. Pengambilan kakitangan bermula pada tahun 1976 diurus oleh seorang pegawai daripada bahagian pentadbiran am pejabat setiausaha kerajaan sebagai setiausaha sebelum pelantikan kurator. Bermula di situ, pengumpulan koleksi dan kerja-kerja penyelidikan dilakukan. Pada ketika itu, dua buah galeri telah dibuka pada awal tahun 1980. Majlis mesyuarat kerajaan negeri telah bersetuju untuk menyediakan pembiayaan bagi pembinaan kompleks muzium baru di atas tapak seluas 27 hektar (60 ekar), manakala keluasan keseluruhan lantainya berjumlah 75075 meter persegi di Kampung Bukit Losong, Mukim Paloh, Kuala Terengganu. Kawasan tersebut merangkumi kawasan taman semulajadi yang tenteram dan nyaman, kawasan lapang dan terbuka dan ruang yang mencukupi.

Menurut En. Azwan Muda selaku kurator bahagian sejarah muzium, di dalam kawasan muzium ini terdapat empat blok bangunan muzium utama iaitu termasuklah bangunan pentadbiran dan bangunan Muzium Maritim. Di muzium ini juga terdapat lima buah rumah tradisional yang asal di Terengganu seperti rumah Tele atau Istana Tengku Nik, rumah Limas atau Istana Tengku Long, rumah bujang berpelah dan lain-lain lagi. Jumlah galeri yang terdapat di muzium ini ialah sebanyak tujuh buah galeri iaitu Galeri Islam, Galeri Tekstil, Galeri Petronas, Galeri Diraja, Galeri Ilmu Kejadian, Galeri Sejarah



dan Galeri Kraf serta ditambah pula dengan dua buah galeri yang terdapat di Muzium Maritim iaitu Galeri Perikanan dan Taman Laut serta Galeri Pelayaran dan Perdagangan.

Portal Rasmi Lembaga Muzium Negeri Terengganu menyatakan Penubuhan Muzium Negeri Terengganu ini membawa misi untuk menyelamatkan, mendidik, memelihara, mempamer, dan menyelidik serta telah berlandaskan kepada beberapa objektif tertentu sebagai garis panduan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti . Di antaranya adalah:

- 1) Untuk menyelamatkan warisan sejarah dan budaya dengan cara memungut, memelihara, menyimpan dan mempamerkan barang-barang lama dan baru yang mempunyai nilai-nilai sejarah dan budaya tradisi bercorak Negeri Terengganu Darul Iman khasnya dan Malaysia amnya.
- 2) Untuk menjalankan penyelidikan dan kajian di dalam beberapa cabang kebudayaan negeri khasnya supaya penerangan mengenainya dapat disebarkan kepada orang ramai sebagai bahan pengetahuan dan mendidik serta menyemai semangat cintakan sejarah dan budaya sendiri.
- 3) Untuk menjalankan penyelidikan dan kajian persejarahan negeri dan pemuliharaan terhadap kesan-kesan sejarah yang terdapat di seluruh negeri dengan matlamat meletakkan pandangan sejarah negatif pada perspektif yang sewajarnya menurut nilai-nilai yang sebenarnya tanpa pengaruh asing. Segenap lapisan masyarakat akan digalakkan menggunakan kemudahan di Muzium untuk tujuan penyelidikan dan pembelajaran.

- 4) Untuk menjalankan penyelidikan dan pemuliharaan terhadap fauna, flora dan batu-batan yang terdapat di negeri ini.
- 5) Sebagai aset dan destinasi pelancongan utama disamping membantu serta menggalakkan perkembangan industri pelancongan negeri khususnya dan Malaysia umumnya. membantu serta menggalakkan perkembangan industri pelancongan negeri Terengganu.

Berdasarkan misi dan objektif yang menjadi garis panduan kepada Lembaga Muzium negeri Terengganu terutamanya dalam memelihara, menyimpan serta menyelamatkan warisan sejarah merupakan satu peranan yang begitu besar untuk masyarakat mengetahui warisan-warisan sejarah yang terdapat di negeri Terengganu ini khususnya.

### **Istana Tengku Long**

Istana Tengku Long merupakan sebuah istana yang terletak lebih kurang 30.48 meter dari Sungai Besut, di Kampung Raja, Besut. Istana ini merupakan satu warisan sejarah bernilai yang menyimpan kisah cinta antara Tengku Long dan isterinya. Istana ini telah dibina oleh Tengku Long untuk isterinya iaitu Tengku Wook yang merupakan salah seorang kerabat Diraja Terengganu. (sumber: Berita Harian, 1996)

Tengku Long Tengku Ngah merupakan Pesuruhjaya Besut yang kedua selepas mengambil alih tampuk pemerintahan daerah Besut daripada pesuruhjaya pertama, Tengku Chik Haji pada tahun 1929. Setelah beberapa lama memerintah daerah Besut,

Tengku Long kemudiannya diganti oleh menantunya sebagai Pesuruhjaya Besut yang ketiga iaitu Tengku Sulung, suami kepada Tengku Kembang.

Menurut catatan Tan Sri Mubin Sheppard (1986), istana ini dibina pada tahun 1850 M, namun begitu sekiranya diteliti kepada tarikh yang terdapat pada salah satu ukiran di istana ia bertarikh pada tahun 1904 M. Istana ini merupakan rumah yang berbentuk Rumah Perabung Lima berunsur campuran senibina Belanda. Bumbungnya yang berbentuk sebuah perabung lurus dan diikuti oleh 4 buah perabung menurun kecucuran atap. Keluasannya 27.43 meter x 21.34 meter terdiri daripada kayu cengal yang keras dan dinding dihiasi oleh ukiran yang halus buatannya. Atapnya dari jenis senggora yang diimport dari Pattani, Thailand. Dindingnya pula terdiri dari berbagai-bagai jenis seperti papan berlidah, papan tindih kasih dan janda berhias Ukiran-ukiran yang terdapat pada istana ini juga daripada berbagai jenis seperti awan larat, flora, geometrik serta kaligrafi. Binaan struktur Istana Tengku Long adalah dari teknik pasang siap, strukturnya berbentuk tiga segi, kerangkanya digunakan pada sistem alang serta sistem tanggam, pasak, pemeting, dan tetupai.

Pada tahun 1978, Tengku Long telah mangkat dan tampuk pemerintahan daerah Besut telah jatuh kepada menantu baginda iaitu Tengku Sulung Tengku Sulung merupakan suami kepada Tengku Kembang iaitu puteri Tengku Long. Jadi, Tengku Sulung merupakan pemilik kedua mewarisi istana ini dan baginda telah diberi gelaran sebagai Tengku Lela Segara.

Pada akhirnya bangunan istana ini telah dibiarkan kosong tanpa penghuni. Sebahagian daripada istana ini telah rosak dimakan usia disebabkan oleh tiada penjagaan terhadap bangunannya dan pada tahun 1984, Badan Warisan Malaysia telah membeli istana ini dan dialihkan ke dalam Muzium Negeri Terengganu demi menjaga kelestarian istana ini.

Pada November 1984, Badan Warisan Malaysia telah menulis surat kepada PETRONAS supaya bersetuju membeli istana tersebut yang berharga RM150,000.00 daripada Tengku Putera Zainal Abidin. Badan ini juga membuat keputusan untuk menyerahkan Istana Tengku Long dibawah jagaan Muzium Negeri Terengganu. Pada 1988 istana ini telah di pindahkan dan didirikan di kawasan tapak Muzium Negeri Terengganu, Bukit Losong, Kuala Terengganu. Kini Istana Tengku Long telah dijaga dengan rapi oleh pihak Lembaga Muzium Terengganu sebagai satu warisan seni bina Melayu yang masih lagi terpelihara untuk tatapan generasi-generasi akan datang. ( Sumber: Portal Rasmi Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

## **Skop Kajian**

Skop kajian ini adalah mengkaji kaedah pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan untuk mengekalkan seni bina Istana Tengku Long yang telah mencecah hampir separuh abad namun masih lagi kukuh berdiri.

Oleh itu, skop kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menjelaskan bagaimana pihak-pihak berkenaan terutamanya pihak Lembaga Muzium Negeri Terengganu merancang dan menjalankan kaedah-kaedah pemeliharaan Istana Tengku Long ini.

### **Objektif Kajian**

Bagi menjalankan kajian ini beberapa objektif telah ditetapkan iaitu 1) Mengenalpasti keunikan Istana Tengku Long sebagai seni bina warisan. Keunikan dikenalpasti melalui binaan-binaan pada keseluruhan struktur bangunan istana; 2) Meneliti kaedah pemeliharaan yang dilakukan oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu terhadap bangunan Istana Tengku Long. Kaedah pemeliharaan akan diamati bermula dengan kemasukan istana lama ini ke perkarangan Lembaga Muzium Negeri Terengganu sehinggalah kini; 3) Menjelaskan kepentingan pemuliharaan terhadap seni bina Istana Tengku Long sebagai warisan seni bina Melayu yang masih lagi wujud pada hari ini.

## **Persoalan Kajian**

Beberapa persoalan atau permasalahan kajian telah digariskan iaitu:

- 1) Apakah keunikan atau keistimewaan seni bina Istana Tengku Long sehinggakan Istana ini dipelihara sehingga kini; 2) Bagaimanakah cara yang telah digunakan oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu dalam memelihara seni bina Istana Tengku Long; 3) Apakah tujuan pemeliharaan yang telah dilakukan terhadap seni bina Istana Tengku Long.

## **Kerangka Konsep**

Merujuk kepada penulisan Tylor N, (2000) menyatakan bahawa sebenarnya terdapat empat bentuk utama aktiviti atau cara kerja berkaitan pemuliharaan itu sendiri iaitu sama ada dengan membaik pulih, pemeliharaan, pembinaan semula dan pemuliharaan.

Menurut Howe, B.J. (1997), aktiviti atau kerja membaik pulih adalah merujuk kepada perbuatan atau proses mengembalikan bentuk dan perincian asal secara sebenarnya bagi sesebuah bangunan atau harta dan kedudukannya seperti kepada rupa asalnya pada masa dahulu dengan cara menanggalkan apa-apa penambahan dan

pengubahsuaian yang telah dibuat kepada yang asal itu dengan cara menggantikan bahagian yang hilang dengan yang serupa.

Bagi takrif pemuliharaan, Howe, B.J. menyatakan bahawa pemuliharaan merupakan perbuatan atau proses mengembalikan sesuatu hartanah kepada suatu keadaan kebergunaan melalui pembaikan atau pemindaan yang menjadikan ia dapat digunakan kontemporari di samping mengekalkan bahagian atau rupa bentuk harta itu yang penting dari segi nilai sejarah, seni bina dan budayanya.

Howe, B.J. juga membincangkan takrif 'pemeliharaan', iaitu perbuatan atau proses melakukan tindakan bagi mengekalkan bentuk sedia ada, integrity dan bahan sesebuah bangunan atau struktur, dan bentuk sedia ada serta tumbuhan pelindung sesuatu tapak. Proses ini termasuklah kerja-kerja awal penstabilan apabila perlu dan penyelenggaraan berterusan bahan-bahan binaan bersejarah. Beliau seterusnya membincangkan subjek yang dimaksudkan dengan aktiviti 'pembinaan semula' iaitu merupakan perbuatan atau proses pembikinan semula dengan pembinaan baharu seperti mengikut bentuk dan perincian sesebuah bangunan, struktur atau objek, atau sebahagian daripadanya yang telah tiada, sebagaimana ia wujud pada suatu ketika dahulu.

Walau bagaimanapun, ia adalah berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan atau kadangkala disebut 'pemeliharaan' oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Malaysia. Seterusnya, menurut pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa:

*“pemeliharaan merupakan satu proses penjagaan sesuatu tempat atau bangunan bagi tujuan mengekalkan corak, kebudayaan dan keadaan asalnya. Mengekalkan warisan seni bina bangunan ini juga melibatkan proses penyelegaraan, pengkalan, pemeliharaan, pembinaan semula dan pengubahsuaian.”*

Pemuliharaan dan pemeliharaan juga dikaitkan dengan objek-objek lain, benda, bahan dan juga tapak sejarah atau warisan; dan dalam banyak hal, ia dikaitkan dengan tujuan pengkalan sejarah dan juga pembangunan pelancongan. Seperti yang ditekankan dalam perenggan 18.94, Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)

*“Bagi mendapat pengiktirafan antarabangsa dalam memulihara monument bersejarah, usaha akan diteruskan bagi memastikan aktiviti pemuliharaan dijalankan mengikut garis panduan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) bagi pemuliharaan monumen bersejarah. Bagi membolehkan tindakan yang lebih bersepadu dan tersusun terhadap pemuliharaan ini, kawasan-kawasan yang mempunyai ciri-ciri khusus kepentingan sejarah khas seperti bangunan dan monument akan dikenal pasti dan dikhaskan menjadi zon bersejarah. Zon ini akan dibangunkan untuk menyediakan kemudahan yang perlu sebagai destinasi pelancongan. Di samping itu, bagi meningkatkan imej negara, usaha akan dijalankan untuk memelihara warisan seni bina Malaysia dalam bentuk asal atau dipamerkan dalam bangunan awam.”*